



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**24 DISEMBER 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 168 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,355 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 307 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 231,807 orang. Manakala 714 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 396 orang di hospital, 312 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 37 orang merangkumi 33 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (25.0%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas dan Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning, Tawau berubah dari zon merah ke zon jingga manakala Tongod berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning enam (6) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan 168 kes baharu hari ini, peningkatan sebanyak 7 kes berbanding semalam.
- b. Sebanyak lima (5) daerah mencatatkan kes dua angka iaitu Kota Kinabalu 41 kes, Tuaran 30 kes, Penampang 14 kes, Papar 12 kes dan Kota Belud 10 kes. 15 daerah mencatatkan kes satu (1) angka sahaja dan tidak ada kes baharu di tujuh (7) daerah.
- c. Seramai 161 orang daripada 168 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, satu (1) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes masing-masing dalam Kategori 4 dan Kategori 5. JKNS masih lagi membuat penilaian ke atas dua (2) kes.
- d. Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua penganut agama Kristian dan kepada semua yang meraikannya. Adalah sangat-sangat diharapkan orang ramai terus mematuhi semua SOP semasa menyambut perayaan atau semasa bercuti bersama keluarga.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (75) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringa pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	1	0.60%
2	Bergejala	77	45.83%
3	Kontak	75	44.64%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	15	8.92%
<b>JUMLAH</b>		<b>168</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (23 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 23/12/2021	Catatan Kes 24/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	24	41	+17
2	Kuala Penyu	3	9	+6
3	Beluran	2	8	+6
4	Tuaran	27	30	+3
5	Tongod	5	8	+3
6	Keningau	2	5	+3
7	Penampang	12	14	+2
8	Ranau	6	7	+1
9	Papar	12	12	Mendatar
10	Kudat	2	2	Mendatar
11	Tawau	1	1	Mendatar
12	Kinabatangan	1	1	Mendatar
13	Lahad Datu	1	1	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Kunak	0	0	Mendatar
16	Sipitang	0	0	Mendatar
17	Putatan	11	2	-9
18	Sandakan	10	3	-7
19	Kota Marudu	5	0	-5
20	Beaufort	9	5	-4
21	Kota Belud	12	10	-2
22	Tenom	6	4	-2
23	Semporna	2	1	-1
24	Telupid	1	0	-1
25	Nabawan	1	0	-1
26	Pitas	1	0	-1
27	Tambunan	5	4	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>161</b>	<b>168</b>	<b>+7</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (09 Disember – 23 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	1	17	12	0	0	30	369
Kota Kinabalu	0	12	24	0	5	41	478
Kota Belud	0	4	5	0	1	10	217
Papar	0	4	7	0	1	12	197
Penampang	0	12	1	0	1	14	212
Putatan	0	0	2	0	0	2	110
Sandakan	0	0	1	0	2	3	106
Beaufort	0	0	5	0	0	5	75
Ranau	0	4	3	0	0	7	215
Tenom	0	3	0	0	1	4	102
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	69
Tambunan	0	4	0	0	0	4	64
Tongod	0	1	7	0	0	8	24
Kuala Penyu	0	8	1	0	0	9	78
Keningau	0	0	3	0	2	5	69
Beluran	0	4	4	0	0	8	27
Kudat	0	1	1	0	0	2	33
Semporna	0	0	0	0	1	1	10
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	18
Pitas	0	0	0	0	0	0	20
Tawau	0	1	0	0	0	1	37
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	21
Nabawan	0	0	0	0	0	0	22
Telupid	0	0	0	0	0	0	13
Sipitang	0	0	0	0	0	0	33
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>75</b>	<b>77</b>	<b>0</b>	<b>15</b>	<b>168</b>	<b>2,623</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Tuaran Bakut	1
	<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,216 unit

- Hospital 1,329 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.94%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 24 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	162
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>168</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	5
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	154
Bukan Malaysia	14
<b>Jumlah</b>	<b>168</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	21
Belum Menerima Vaksin	5
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	128
Dos Penggalak	14
<b>Jumlah</b>	<b>168</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	10
6 to 11	8
12 to 17	8
18 to 25	30
26 to 59	94
>60	15
<b>Jumlah</b>	<b>168</b>

## C SEMUA PENGEMBARA PERLU MENDAPATKAN KELULUSAN KHAS

- 1 Pengembara yang tiba dari negara yang dikenakan **SEKATAN PERJALANAN SEMENTARA** (mengikut senarai terkini yang dikeluarkan oleh KKM dan Jabatan Imigresen) atau mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari ke negara-negara tersebut dibenarkan memasuki Sabah dengan mematuhi syarat-syarat berikut :
  - a. Melakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) 2 hari sebelum berlepas dari negara-negara tersebut.
  - b. Mengisi e-Health Declaration (eHDF);
  - c. Pengembara yang tidak memenuhi kriteria kebenaran masuk ke Sabah perlu mendapatkan KELULUSAN KHAS dari PHEDNP. Sila rujuk kelayakan melalui website PHEDNP (<https://phednp.wbcsite.com/website>).
  - d. Ujian RT-PCR semasa ketibaan di ‘Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Pertama ke Malaysia’;
  - e. Menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan di PMA Pertama, tanpa mengira status vaksinasi;
  - f. Kuarantin di rumah adalah TIDAK dibenarkan;
  - g. TIDAK DIBENARKAN meneruskan perjalanan ke Sabah atau ke destinasi lain di Sabah sehingga lengkap tempoh kuarantin;
  - h. Keputusan Swab Ujian RT-PCR pada hari ke-10 adalah negatif sebelum diberi kebenaran penamatan dari kuarantin; dan
  - i. Penilaian risiko pada hari ke-14 dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 23 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,965 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,855 orang adalah penduduk dewasa dan 110 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 23 Disember 2021 adalah seramai 2,447,718 orang. Ini meliputi 2,111,753 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,401,374 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,688 orang atau 75.79% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,965 orang atau 77.41% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,686 atau 71.59% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,851** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,735 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 45 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 82 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - 81 Orang : Individu Gagal Menajaga Penjarakan Sosial
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Fizikal

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 145 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 789 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 217 premis perniagaan dan 306 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Mirarin Boutique & Caffe, Suria Inanam (1 Orang), Rasaksa Kaya, Suria Inanam (1 Orang) dan JR Rozes Automobile, Suria Inanam (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis..
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 330 Premis Perniagaan melibatkan 170 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 16 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di satu (1) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 95 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Kinabatangan	98.8%
3	Sipitang	98.7%
4	Kota Marudu	98.7%
5	Keningau	98.7%
6	Beluran	98.7%
7	Semporna	98.6%
8	Sandakan	98.6%
9	Tenom	98.6%
10	Kudat	98.5%
11	Beaufort	98.5%
12	Lahad Datu	98.5%
13	Papar	98.4%
14	Kota Kinabalu	98.4%
15	Penampang	98.4%
16	Tuaran	98.3%
17	Kota Belud	98.3%
18	Ranau	98.3%
19	Tawau	98.3%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**